INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
BULETIN Fakta
Edisi 3/2014 • ISSN 2180-4044 • www.ippbm.gov.my

RESEARCH
DISSEMINATION OF INFORMATION
NETWORKING

MEWARISI KEMERDEKAAN: BERSEDIAKAH BELIA?

Oleh: Zakariah Md Sam

Pada tahun 2014, Malaysia menyambut Kemerdekaan yang ke 57. Angka yang serupa dengan tahun kita Merdeka 1957. Sejak diisytiharkan merdeka, pemimpin-pemimpin negara ketika itu telah berusaha dengan pelbagai dasar, perancangan dan melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan negara kita terus kekal merdeka serta mampu berdiri di atas kaki sendiri. Ketika itu keutamaan perancangan ditumpukan untuk menjamin keselamatan negara agar terpelihara daripada ancaman komunis dan pengaruh asing. Selain itu, membentuk aktiviti bagi merancakkan kegiatan ekonomi dan memupuk serta memelihara perpaduan kaum kerana Tanah Melayu telah diiktiraf oleh British sebagai negara berbilang kaum dan etnik. Pada 16 September 1963, Tanah Melayu telah bertukar nama menjadi Malaysia yang kita warisi sehingga ke hari ini.

Pemimpin dan kepimpinan silih berganti. Selama 57 Tahun merdeka, kita telah mempunyai enam Perdana Menteri. Kesemua pemimpin mempunyai satu iltizam yang sama iaitu mempertahankan kemerdekaan dengan pelbagai dasar, perancangan dan pelbagai usaha untuk memastikan negara terus membangun. Hasil daripada pelbagai dasar, strategi dan semangat mengisi kemerdekaan, maka hari ini negara kita semakin menghampiri matlamat untuk menjadi sebuah negara maju mengikut acuan Malaysia 2020. Siapakah yang bakal menjaya dan mewarisi Malaysia selepas menjadi sebuah negara maju pada 2020?

Di manakah pemimpin-pemimpin kita yang ada pada hari ini ketika negara diisytiharkan merdeka pada tahun 1957? Antara pemimpin yang kita masih berpeluang menatapi wajahnya hingga ke hari ini seperti Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri kita berusia 4 tahun pada 1957. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin yang lahir pada tahun 1947 berusia 10 tahun. Manakala Tokoh Negara Tun Dr Mahathir yang lahir pada tahun 1925 berusia 32 tahun ketika negara mencapai kemerdekaan. Ramai pemimpin negara yang kita kenali pada hari ini berusia antara setahun hingga tiga tahun pada hari kemerdekaan diisytiharkan, manakala ada sebilangan pemimpin kita yang belum pun dilahirkan pada masa itu. Kesimpulannya, majoriti pemimpin yang kita kenali hari ini mungkin tidak memahami erti kemerdekaan ketika bendera *'Union Jack'* diturunkan di Padang Kelab Selangor yang kini bernama Dataran Merdeka. Persoalannya, mengapa tanpa pemimpin kita hari ini menyertai perjuangan kemerdekaan, tanpa mereka memahami dan mengerti erti kemerdekaan ketika negara diisytiharkan merdeka, tetapi pemimpin kita hari ini mampu mempertahankan kemerdekaan dan berusaha memajukan negara? Jawapan kepada persoalan ini adalah kerana mereka menjiwai perjuangan pemimpin terdahulu. Mereka juga menghargai kemerdekaan, meneliti dan memahami sejarah negara serta mengambil tanggungjawab dan sanggup menghadapi berbagai-bagai cabaran untuk memastikan negara terus merdeka sehingga ke hari ini.

Adakah generasi muda hari ini bersedia untuk menguruskan Malaysia yang kita cintai ini? Adakah belia benar-benar bersedia? Apakah persiapan belia untuk memastikan negara terus makmur, tidak diancam oleh ancaman luar sama ada secara ketenteraan, ekonomi atau serangan siber? Adakah generasi muda sudah melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai pengurusan ekonomi? Adakah generasi muda sudah mahir dengan sistem demokrasi dalam politik yang meletakkan mereka untuk mendapat sokongan menjadi pemimpin? Adakah generasi muda faham apakah ancaman keselamatan terhadap negara di masa depan? Apakah generasi muda bersedia mewarisi kemerdekaan Malaysia?

Cetusan CEO

31 Ogos 1957 yang disifatkan sebagai tarikh keramat bagi seluruh rakyat kerana bermulanya titik tolak masa depan baru bagi penduduk Tanah Melayu ketika itu. Edisi Buletin Fakta IYRES kali ini diterbitkan dalam suasana kita meraikan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-57 tetapi masih dalam keadaan berdukacita di atas tragedi MH17 yang telah mengorbankan seramai 42 nyawa. Takziah kami ucapkan kepada ahli-ahli keluarga mangsa yang terlibat.

Setelah 57 tahun menelusuri pelbagai ranjau masalah perkauman dan serpihan luka-luka penjajahan, hari ini kita menyaksikan gahnya sebuah negara majmuk yang telah berjaya dibentuk berasaskan tulang belakang yang padu iaitu rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Tanggal 13 Mei 1969 mungkin tidak akan terpadam dalam coretan sejarah tapi dapat dibuktikan pada hari ini bahawa semangat merdeka tetap tidak akan hilang. Ini dapat dijadikan contoh oleh negara-negara lain bahawa peperangan yang merobek keamanan dalam meneruskan kelangsungan hidup seperti serangan ke atas Gaza tidak akan membuahkan hasil, malah merugikan banyak pihak.

Pada terbitan Buletin Fakta kali ini saya membawa generasi belia mengimbau kembali nostalgia penubuhan Malaysia, bermula dengan penggabungan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei. Menariknya, kupasan ini disediakan dalam bentuk kronologi agar mudah difahami oleh para pembaca sekalian. Tambahan lagi, Buletin Fakta turut memperkenalkan mengenai 10 buah negara yang menyertai Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) bersempena dengan persidangan ASEAN yang akan dipengerusikan oleh Malaysia pada tahun 2015. Seiring dengan tema kesedaran belia terhadap isu sejagat dan keamanan, Buletin Fakta turut menghuraikan berkenaan dengan semangat merdeka dan perpaduan.

Selain itu, Buletin Fakta juga mendedahkan para pembaca bahawa semangat 1Malaysia dan perpaduan yang diusahakan oleh kerajaan bukanlah merupakan omong kosong. Hal ini diutarakan dalam artikel "1Malaysia dan Perpaduan Bukanlah Bersifat Kosmetik" yang diolah oleh *Malaysian Journal of Youth Studies*, jilid 2 2010 terbitan IYRES. Seperkara yang menarik dalam terbitan kali ini yang dikongsikan dengan anda adalah isu berhubung Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) daripada perspektif belia yang berbeza-beza menerusi persidangan meja bulat belia anjuran IYRES yang telah berlangsung pada 19 Julai 2014.

Seruan saya kepada semua belia Malaysia, teruskanlah memelihara kedamaian dan keamanan yang sedang kita kecapi pada hari ini kerana andalah penerus kepada tradisi ini. Semoga pengisian edisi kali ini akan sedikit sebanyak dapat memupuk semangat cintakan negara dalam jiwa dan sanubari belia Malaysia.

Dr. Wasitah Hj Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YB. Encik Khairy Jamaluddin
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

PENASIHAT
Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif IYRES

KETUA PENGARANG
Hj. Zakariah Md. Sam

KETUA EDITOR
Shariffah Mamat

SIDANG PENGARANG
Shahhanim Yahya
Mastura Mohamad
Mohd Rizal Mohd Sham
Mohd Saiful Nizam Mohd Zahri
Noor Afifah Johari
Norati'qah Talib
Norshafawati Abd Azimi
Nurul Hidayat Ismail
Nuurul Mizaan Ya'cob
Shah Romnizam Ramli

PUBLISITI
Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada
info@ippbm.gov.my

SEMANGAT MERDEKA DAN PERPADUAN

Oleh: Shariffah Mamat

'Malaysia.... Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta' yang dipopularkan oleh Allahyarham Sudirman Haji Arshad dipilih menjadi tema sambutan Hari Kemerdekaan Ke-57.

"Saya percaya tema itu sangat signifikan bagi memberikan kesan mendalam dan melahirkan semangat kecintaan terhadap negara di dalam hati semua rakyat. Secara tidak langsung dapat mewujudkan masyarakat yang cintakan negara dan sanggup berkorban dan bekerja keras demi menjamin keamanan, kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran negara pada jangka masa panjang," (Dato' Sri Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia).

MALAYSIA...
Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta
57

1Malaysia dan Perpaduan
Bukanlah Bersifat Kosmetik

Sumber : Malaysian Journal of Youth Studies, Jilid 2, 2010
Penulis : Noor Sulastry Yurni Ahmad
Tajuk Jurnal : 1Semangat Patriotisme Konsep 1Malaysia: Realiti atau Fantasi

Disunting Oleh: Mohd Rizal Mohd Sham

> "Tanpa semangat patriotisme yang tinggi konsep 1Malaysia akan gagal mencapai perpaduan sebenar dalam kalangan masyarakat Malaysia"

Strategi pemisahan kaum oleh pihak British melalui dasar pecah dan perintah suatu ketika dulu berjaya merealisasikan kerapuhan perpaduan dan penyatuan semua bangsa di Tanah Melayu sehingga tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Walaupun ramai yang kurang bersetuju dengan kenyataan ini, serba sedikit impak yang ditinggalkan dari dasar kolonial ini meletakkan jurang pemisahan kaum yang amat nyata. Perpaduan dalam erti kata sebenar membawa kejayaan kepada kemerdekaan di Tanah Melayu merupakan sebuah usaha yang penuh dengan cabaran dan liku-liku yang terpaksa dilalui.

Perpaduan dan konsep 1Malaysia harus dijadikan pengajaran kepada peristiwa rusuhan kaum 1969 yang pernah menggegarkan negara suatu masa dahulu hingga terpahat dalam jiwa dan pemikiran masyarakat Malaysia. Bukan mudah untuk melupakan peristiwa berdarah itu, kerana punca utama yang menjadi tonggak kegagalan perpaduan adalah sentimen perkauman yang sangat kuat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Bagaimana untuk memastikan peristiwa sebegini tidak akan berulang dan sentiasa diingati oleh semua masyarakat Malaysia? peristiwa masalah perpaduan ini boleh dielakkan dengan memastikan pendidikan patriotisme dalam kalangan masyarakat sebagai perkara tunjang atau fundamental dan bukan sesuatu yang remeh dan tidak serius.

Tidak cukup hanya melaungkan lagu patriotik, mempelajari subjek sejarah di sekolah, mengibarkan bendera negara, menyambut hari kemerdekaan sahaja dapat mendefinisikan makna cintakan negara. Semuanya tidak lengkap sekiranya masih tertanam sikap terlalu taksub dan sayangkan bangsa atau kaum masing-masing. Bagaimana konsep 1Malaysia dapat dicapai sekiranya masyarakat pada hari ini terlalu submisif kepada bangsa mereka sahaja. konsep 1Malaysia merupakan sebuah konsep yang membatasi perbezaan kaum yang nyata dan bersifat dalaman dan luaran. Tanpa semangat patriotisme yang tinggi konsep 1Malaysia akan gagal mencapai perpaduan sebenar dalam kalangan masyarakat Malaysia. Bagi merealisasikannya, masyarakat pada hari ini perlu mencapai perpaduan, jiwa dan pemikiran yang merdeka, berbicara berdasarkan pengetahuan yang tinggi dan bukannya berada dalam situasi yang penuh kecelaruan dan sentiasa berkhayal sehingga tersasar daripada matlamat asal perjuangan perpaduan.

Mesej semangat kemerdekaan dan perpaduan semua kaum tanpa mengira latar belakang fahaman agama jelas ditonjolkan dalam sambutan bulan Merdeka pada tahun ini. Paduan semangat perpaduan ini dizahirkan lagi dengan tragedi MH17 di mana seluruh rakyat bersatu dalam menyatakan rasa kesedihan, ingatan dan penghormatan kepada mangsa dan keluarga mangsa tragedi ini melalui pendekatan *moment of silence* yang dilihat bersifat universal dan tidak bercanggah dengan mana-mana anutan agama.

Begitu juga dengan melahirkan rasa simpati ke atas isu sejagat yang berlaku di Gaza, Palestin. Rakyat Malaysia khususnya generasi belia memberikan sokongan daripada segi sokongan moral, kewangan, perubatan, makanan, pakar-pakar berkaitan dan segala doa diiringkan ke atas mangsa kekejaman yang dilakukan oleh tentera Israel tanpa mengenal erti kemanusiaan. Kesepaduan ini dilihat memenuhi ruang pemikiran dan emosi setiap daripada warga Malaysia khususnya para belia tanpa mengenal batas sempadan.

Maka, bertepatan sekali dengan isu yang diketengahkan melalui semangat kemerdekaan dan perpaduan yang menjadi satu pengalaman baru kepada belia Malaysia dalam mengharungi liku-liku kehidupan yang akan mematangkan dengan membina akar umbi budaya belia dan bangsa Malaysia.

Perpaduan yang diperjuangkan kebelakangan ini membuktikan betapa nipisnya perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kerajaan pada hari ini dijadikan sebagai tunggak kepada perjuangan 1Malaysia ini umpama *"Pillar of the sand"* yang menantikan sebuah gelombang air untuk meruntuhkan tiang-tiang perpaduan. Sekiranya ikatan dalaman dalam kalangan pemimpin berada pada tahap yang tinggi, maka sudah pasti konsep perpaduan ini tidak bersifat "kosmetik" yang hanya nampak indah dari sifat luaran sahaja. Lambakan informasi yang mudah diperoleh tanpa mengetahui akan kesahihannya menjadi cabaran utama bagi pihak kerajaan dalam mencapai konsep yang diperkenalkan. Golongan belia pada hari ini perlu di asuh dan pelbagai pendekatan harus di ambil bagi memastikan mereka bijak dalam menapis segala informasi yang diperolehi *(Filtering the information)*.

Bukan mudah untuk membentuk masyarakat yang lebih seimbang dengan pelbagai rintangan yang dihadapi. Tembok-tembok pemisah yang wujud di antara kaum harus direnovasikan sebaik mungkin. Pakatan murni yang dicapai dalam kontrak sosial jangan dianggap sebagai sejarah yang tinggal sejarah. Perit jerih pahlawan Melayu, Cina dan India mencapai kemerdekaan bukanlah suatu noktah perjuangan sejarah lama, tetapi sebagai anak bangsa Malaysia yang didasari 1Malaysia perlu meneruskan perjuangan lampau supaya lebih merdeka pemikiran, jiwa dan kehidupan.

Persidangan Parlimen Belia Malaysia Semakin Hampir

Disediakan Oleh: Noor Afifah Johari

Generasi Y adalah legasi pewaris negara, suara mereka perlu didengari, peranan mereka perlu diiktiraf dan bakat mereka perlu dihargai. Satu initiatif telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) di antara enam (6) inisiatif Makmal Transformasi Belia iaitu Parlimen Belia bagi memberi peluang kepada golongan belia untuk mengutarakan, memberikan pandangan dan idea tentang isu-isu berkaitan belia.

Parlimen Belia Malaysia bukan sahaja diwujudkan untuk mendengar suara belia malahan dalam masa yang sama dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan demi kepentingan mereka untuk survival dan penerusan kepimpinan negara dalam jangka masa panjang. Dalam erti kata lain, ia juga dapat memberikan pendedahan awal mengenai sistem demokrasi berparlimen dan menjadi perantara belia dengan kerajaan.

Pendaftaran untuk menjadi pengundi atau calon masih lagi terbuka kepada semua belia yang berumur 18 tahun hingga 30 tahun. Untuk maklumat lanjut tentang syarat-syarat kelayakan pendaftaran boleh layari laman web rasmi Parlimen Belia iaitu www.parlimenbelia.gov.my atau boleh dapatkan maklumat-maklumat terkini melalui laman sosial facebook (http://fbl.me/parlimenbelia) dan twitter (https://twitter.com/MYparlimenbelia).



PARLIMEN BELIA MALAYSIA
PENDAFTARAN BARU
Tempoh : 01 Ogos 2014 - 16 September 2014
(bagi yang belum berdaftar)
PENAMAAN CALON
Tempoh : 11 Ogos 2014 - 22 September 2014
Layari Pautan
Portal e-PBM
http://www.parlimenbelia.gov.my
Sistem e-PBM
https://epbm.parlimenbelia.gov.my
Facebook
http://fbl.me/parlimenbelia
Twitter
https://twitter.com/MYparlimenbelia
Emel Sekretariat : pbm@kbs.gov.my

FACT SHEET

ASEAN COUNTRIES
INDEPENDENCE AND NATIONAL DAY

By: Norshafawati Abd. Azimi

MALAYSIA
Independence Day : 31st August 1957
(independence from Britain)
Malaysia Day : 16th September
(formation of Malaysia from the Federation of Malaya, North Borneo, Sarawak and Singapore in 1963)

CAMBODIA
Independence Day : 9th November 1953
(independence from France)

BRUNEI
Independence Day : 1st January 1984
(independence from United Kingdom)
National Day : 23th February

MYAMMAR (BURMA)
Independence Day : 4th January 1948
(independence from United Kingdom)
National Day : 16th November (in 2014) because Myanmar follows a lunisolar traditional Burmese calendar, the National Day moves between the months of November to December.

INDONESIA
Independence Day : 17th August 1945
(independence from Japan and Netherlands)

PHILIPPINES
Independence Day : 12th June 1898
(independence from Spain)

SINGAPORE
Independence Day : 31st August 1963
(independence from United Kingdom before joining the Federation of Malaysia)
National Day : 9th August
(when it broke away from the Federation of Malaysia due to ethnic, political and economic disagreements)

LAOS
Independence Day : 22nd October 1953
(independence from France)
National Day : 2nd December

VIETNAM
Independence Day : 2nd September 1945
(independence from France)
National Day : 2nd September

THAILAND
The only ASEAN nation which never been colonized by Westerners. Thus, the Thais observe their king's birthday as the national holiday. Their King Bhumibol Adulyadej's birthday is on 5th December.

KRONOLOGI
PENUBUHAN MALAYSIA

Oleh: Noratiqah Talib

27 Mei 1961	Cadangan untuk menggabungkan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei telah diutarakan oleh Tuanku Abdul Rahman dalam satu ucapan penting beliau di Singapura.
Julai 1961	Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ditubuhkan bertujuan untuk mendapatkan pandangan rakyat, parti-parti politik dan individu-individu di Singapura dan di Wilayah-wilayah Borneo mengenai gagasan Malaysia.
Januari 1962	Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan yang bertujuan untuk meninjau pandangan rakyat Sabah dan Sarawak mengenai Malaysia dan membuat syor-syor perlembagaan.
21 Jun 1962	Laporan Suruhanjaya ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Tanah Melayu dan British. Mengikut laporan ini, hampir semua rakyat Sabah dan Sarawak menyokong Pembentukan Malaysia.
Ogos 1962	Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ditubuhkan. Matlamat JAK adalah untuk mengkaji peruntukan perlembagaan yang berkaitan dengan penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia. Sabah mengemukakan satu memorandum yang dinamakan 'Dua Puluh Perkara' yang bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan Sabah.
1 September 1962	Referendum di Singapura. Satu referendum yang berasingan telah dilaksanakan di Singapura untuk meninjau pandangan dan pendapat rakyat Singapura mengenai cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia.
9 Julai 1963	Perjanjian penubuhan Persekutuan Malaysia telah ditandatangani oleh wakil-wakil Kerjaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Brunei telah menarik diri dari menyertai Persekutuan Malaysia pada saat akhir.
16 Ogos – 5 September 1963	Filipina dan Indonesia menentang kuat penubuhan Malaysia menyebabkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke Borneo bagi meninjau kembali pandangan penduduk Sabah dan Sarawak mengenai penyertaan mereka ke Malaysia. Oleh itu tarikh penubuhan Malaysia yang sepatutnya pada 31 Ogos 1963 terpaksa ditunda.
16 September 1963	Mengikut laporan PBB ideologi rakyat Sabah dan Sarawak ingin menyertai Malaysia. Maka Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah Negara baru yang bebas, merdeka dan berdaulat. Upacara Pengishtiharan Malaysia telah diadakan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri, Tuanku Abdul Rahman dihadapan lebih kurang 30, 000 rakyat Malaysia.
9 Ogos 1965	Penarikan diri Singapura daripada Malaysia kerana perbezaan deology pembangunan Negara yang tidak dapat diselesaikan antara Lee Kuan Yew dan Tuanku Abdul Rahman.

Ulasan Buku

Disunting Oleh: Mastura Mohamad



Tajuk : Kuasa Kepimpinan 4E
Penulis : Krames, Jeffrey A.
Penerbit : PTS
Tahun : 2012

Jack Welch hanya mengambil pekerja yang hebat untuk bekerja bersama-sama beliau. Dengan kepimpinan beliau, Jack Welch dan pasukannya yang mantap mampu mengubah syarikat General Electric (GE) daripada sebuah syarikat yang sedang merudum teruk menjadi syarikat yang terbaik di dunia.

Model Kepimpinan 4E sangat berpengaruh. Model ini mencetuskan kontroversi dan menerima tentangan pada peringkat awal pelaksanaan. Jack Welch memecat ramai pengurus yang berfikiran sempit dan menggantikan mereka dengan individu yang bersedia membaca kehendak pelanggan dan pasaran. Beliau juga menjual lebih 100 bisnes yang tidak sejajar dengan visi GE dan memberhentikan lebih 100,000 orang pekerja. Tiga tahun selepas penyusunan semula yang menyakitkan ini, GE berubah sepenuhnya menjadi syarikat yang hebat. Model ini digunakan oleh Jack Welch bagi memilih dan melatih pekerjanya menjadi aset terbaik dalam syarikat. Model ini terbukti berkesan dapat menjimatkan kos, menguntungkan syarikat, dan melahirkan pekerja serta pemimpin hebat.

Edited by: Shahhanim Yahya



Title : Impact: Great Leadership Changes Everything
Author : Tim Irwin
Publisher : Ben Bella Books, Inc.
Year : 2013

For more than 25 years, organizational psychologist and management consultant Dr. Tim Irwin has worked with thousands of leaders in well-known global companies. He knows most leaders work for recognition and advancement and they want more challenge and responsibility. He's also found this to be true: Most of us want to make a positive difference through our work and to have our lives count for something more than simply making a living. We want to make an impact. Yet when we look around our organizations, we don't see many leaders who have real impact. We see them just managing the daily rat race. Somewhere along the line, many began working for money instead of for meaning, for status instead of for a lasting legacy.

In Impact, Irwin identifies the principles and beliefs that lead to great leadership—ways in which you can grow and thrive and be trusted by others. Learn how to be the kind of leader that motivates others in meaningful work and great accomplishments and what you can do to stay on track so you avoid a path of personal destruction so many leaders go down today. Accessible, humorous, and engaging, Irwin's latest book shows you how to live the vision you began your career with and then finish strong for a lasting impact, the hope of every great leader.

PERISTIWA

BANTUAN RAKYAT 1 MALAYSIA (BR1M) MENYELURUH KEPADA RAKYAT MALAYSIA

Komitmen kerajaan dalam menyediakan kehidupan yang selesa untuk rakyat tidak mengenal sempadan politik dan kaum. Begitu jugalah dengan pengagihan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang dilaksanakan secara berperingkat sejak 15 Januari 2012. BR1M banyak menerima pujian dan kecaman kerana ia melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion. Bantuan itu dijangka memberi manfaat kepada 5.2 juta isi rumah iaitu kira-kira 80 peratus daripada jumlah keseluruhan isi rumah di negara ini.

Bagi pengagihan BR1M 3.0, sebanyak 7.9 juta penerima layak memohon yang diluaskan kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 (RM3,000-RM3,999) yang menerima sejumlah RM450. BR1M kali ini melibatkan belanja sebanyak RM 4.5 bilion iaitu pertambahan belanja sebanyak RM1.5 bilion berbanding BR1M 2.0 yang melibatkan belanja sejumlah RM3 bilion. Pertambahan belanja ini disebabkan oleh pertambahan jumlah bayaran kepada isi rumah berpendapatan kurang RM3,000 yang menerima RM650 dan individu bujang berpendapatan kurang RM2,000 yang menerima RM300. BR1M 3.0 juga melibatkan pertambahan perbelanjaan sebanyak RM50 satu keluarga untuk pembiayaan insurans berkelompok kematian dan kemalangan kepada penerima BR1M.

Dalam merealisasikan matlamat negara berpendapatan tinggi, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah memberi penekanan kepada transformasi politik dan ekonomi untuk membantu rakyat. Namun begitu, ia merupakan satu proses jangka masa panjang untuk melihat hasil daripada dasar berkenaan. Ditambah pula, dengan kemelut kos sara hidup yang meningkat, sedikit sebanyak proses peralihan ini memberi tekanan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Memahami akan keperitan golongan itu, Perdana Menteri merasakan perlunya satu mekanisme dalam menggagihkan faedah yang diperoleh semasa pertumbuhan ekonomi yang di kecapi dalam proses menuju negara maju. Di sinilah terletaknya peranan BR1M sebagai satu mekanisme pengagihan. Ia dapat membantu tekanan yang dihadapi oleh rakyat akibat transformasi yang dialami semasa proses peralihan itu.

Bukan mudah pihak Kerajaan melunaskan tanggungjawab dalam menyalurkan pemberian BR1M kepada rakyat dengan pelbagai cabaran termasuk tanggapan negatif terhadap niat dan keseluruhan proses pengagihan diterima. Ada juga yang mempertikai sumber dana bagi BR1M terutama bila melihat pada keadaan ekonomi dunia yang tidak begitu memberangsangkan yang sedikit sebanyak memberi kesan kepada pendapatan ekonomi negara. Selain itu, cabaran menilai kelayakan rakyat dalam mengisytiharkan pendapatan mereka, pengedaran borang dan pengagihan baucar tunai RM500 ke kawasan pedalaman turut sama menguji usaha kerajaan ini.

Sudahkah anda mendaftar di Profil Belia Negara?
Sila layari http://interaktif.kbs.gov.my/E-BELIA/
✓ Bagi anda yang sudah mendaftar, jangan lupa mengemaskinikan profil anda. Anda akan mendapat pelbagai info aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dari semasa ke semasa.